Dari Sebulan ke Sebulan

Sedikit masa dahulu, A. Abdullah Majid, seorang kolumnis dalam mingguan "*Sunday Mail*" telah membidas PAS di antaranya ia mengatakan bahawa seruan PAS pemerintahan berdasarkan *al-Qur'ān* itu adalah kosong belaka, tidak boleh dijalankan dan menimbulkan perkauman. Sekali imbas makalah itu tidak ada apa-apa kerana ditujukannya kepada PAS dengan pelaksanaannya tetapi apabila didalami nampaknya A. Abdullah Majid telah membidas dan tidak mempercayai bahawa *al-Qur'ān* itu boleh dijadikan dasar untuk sesuatu pemerintahan. Kalau ini pendapatnya maka adalah salah, sekali-kali salah. Kalau PAS tidak dan belum berjalan mengikut undang-undang Islam – itu bukannya perkara am kerana di dalam PAS itu sendiri pemimpin-pemimpinnya banyak orang yang tidak mengetahui pertadbiran bernegara – tenaga ahli-ahli kepada mereka tidak ada sedang Islam meluluskan dan menghendaki bahawa sesuatu perkerjaan yang disandang hendaklah dijalankan oleh tenaga ahli itu sendiri (dengan tidak memandang ia Islam atau tidak), selagi ia dapat melaksanakan sesuatu yang tidak bertentangan dengan dasar *al-Qur'ān*. Kalau A. Abdullah Majid mau menyalahkan PAS salahkan tetapi kalau mau menyentuh dasar Islam dengan *al-Qur'ān*-nya maka silakan belajar dahulu atau mempelajarinya sebab kalau ia orang Sosialist[1] tentunya ia lebih tahu perkara sosialis, tetapi ia tidak tahu hal ehwal agama Islam dan dasar-dasar pelaksanaannya – Kalau PAS bersalah tentu Islam tidak bersalah dan banyak orang yang di luar PAS yang lain caranya – cara berfikirnya dan cara bekerjanya. Ingat, Bung jangan cuba-cuba menyentuh perkara dasar agama kalau hanya mengaji baharu tahu alif sahaja, sedang perkara ba dan seterusnya tidak tahu. Kalau belum mengkaji atau belum belajar agama dan mendalaminya – jangan cuba-cuba mencelanya kerana jangankan mempelajari hukuman sedangkan mempelajari sembahyang pun susah. Apalagi perkara tauhidnya bahkan perkara-perkara penyelenggaraan cara hidupnya. Kalau Bung hanya tahu sosialis pujalah – jangan cuba-cuba menyentuh dasar agama orang kerana nanti ditentang orang tentunya sulit.

* * *

Perkara tenaga ahli dan keahlian adalah satu perkara yang besar ertinya, terutamanya apabila ia orang yang bertanggungjawab. Perdana Menteri Singapura, beberapa hari sebelum menyambut Hari Kebangsaan, dalam keterangannya kepada akhbar seakan-akan orang yang bermimpi. Ia mengatakan dalam masa setahun PETIR memerintah banyak didapati kesalahan-kesalahan. Ia nampaknya satu kesedaran tetapi orang bertanya apakah kesalahan-kesalahan itu membawa akibat atau tidak kepada rakyat – dapat dilihat dari sekarang lagi. Akibat yang pertama yang dapat dilihat dengan nyatanya, bahawa kerana kurang selidik, bahkan harus kerana membuang tenaga ahli ataupun kerana tenaga-tenaga ahli terus diberhentikan atau berhenti sendiri akhirnya membawa bencana-bencana yang besar. Pertadbiran tidak licin – dan modal lari. Perusahaan-perusahaan besar yang dahulunya menjadikan Singapura sebagai ibu pejabatnya sekarang ini telah banyak menjadikan pejabat-pejabat mereka hanya cawangan sahaja – ibu pejabat mereka lari ke Persekutuan – yang ertinya modal pergi bersama-sama. Kalau modal yang ada pergi – tidak sanggup menghadapi peraturan-peraturan yang dijalankan terhadap mereka dengan mesti melayan buruh apakah akan diharap modal dari luar akan datang menggantikan tempatnya? *Wa Allāhu a'lam*!

Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew,

[1] Merujuk kepada parti Socialist Front.

sangat berdukacita melihat bahawa pemodal-pemodal tempatan tidak mau mengeluarkan modal mereka di dalam perindustrian, untuk ini, Tuan Lee Kuan Yew, sepatutnya lebih dahulu jangan menyalahkan mengapa pemodal-pemodal itu tidak mau mengeluarkan modalnya di dalam perindustrian itu. Ia hendaklah mengkaji sebab-musababnya mengapa mereka tidak mau mengeluarkan wangnya kepada perindustrian, bermakna bahawa buruh tidak mendapat peluang kerja. Tidakkah dapat kita lihat sekarang, dengan adanya union-union itu bahawa kalau seseorang membuka perusahaan, ertinya kalau pemodal mengeluarkan modalnya di dalam sesebuah perusahaan bahawa ia terus terikat kepada beberapa banyak peraturan undang-undang sehingga hampir-hampir membawa kepadanya tidak ada lagi berkuasa di atas perusahaannya bahkan kepada mereka belum terjamin apakah mereka akan beruntung atau modalnya sekali habis. Kerana itu maka pemodal-pemodal lebih senang goyang kaki, makan tidur kerana mereka melihat membuka perusahaan, dengan peraturan-peraturan yang ada, ertinya memeningkan kepala mereka. Mau tidak mau – mereka masih berhak dan berkuasa di atas wang mereka.

* * *

Tuan Lee Kuan Yew, sendiri mengakui bahawa di Singapura tidak ada getah atau timah – kerana itu perindustrian perlu kepada modal dan keahlian. Kalau modal tidak ada – dan keahlian orang-orang yang berniaga dengan modalnya tentunya usaha-usaha itu tidak ada ertinya – dan tidak ada faedahnya pelabuhan dibesarkan dan usaha-usaha perumahan dibuat. Untuk menggalakkan pemodal-pemodal membuka perusahaan maka patutlah mereka dilayan – tidak hanya kehendak buruh sahaja diluluskan. Buruh tidak ada kalau pemodal tidak mengeluarkan modalnya kerana negeri Singapura kosong – tidak ada isinya, tidak ada timah atau getahnya – semuanya bahan bergantung daripada luar dan tidak akan dapat dibawa kalau tidak ada modal – dan modal tidak akan keluar kalau ia rugi dan membawa kerunsingan. Sebab itu perkara ini patut difikir masak-masak untuk menghadapi

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj, sedang dialu-alukan oleh Menteri Ekonomi Kerajaan Belgium, ketika Tengku mengunjungi negara itu pada bulan yang lalu.

tahun hadapan – dan dalam masa itu juga Tuan Fearns[1] hendaklah membuat undang-undang yang menimbang pula kedudukan pemodal supaya dapat perusahaan dibuat – tidak seperti sekarang – modal bungkam. Disebut semuanya ini tidak lain tujuannya semoga menjadi kebaikan kepada rakyat jelata kerana rakyat jelata tidak memikirkan siapa yang memerintah – yang dikehendaki mereka aman, tenteram dan makmur.

* * *

Tengku Abdul Rahman Putra telah kembali dari perjalanannya di Eropah sesudah menghadiri Persidangan Perdana-perdana Menteri Commonwealth. Kerana ketegasannya terhadap perbuatan kerajaan Afrika Selatan terhadap orang-orang kulit hitam

[1] Kemungkinan besar merujuk kepada Sir Fearns Nicholl, wakil British yang berkhidmat di Singapura sehingga 1981.

dahulu, maka ia pun disambut dengan meriahnya daripada semua golongan termasuk wakil-wakil dari pihak pembangkang PAS dan Parti Rakyat. (Hanya wakil tunggal Parti Negara yang tidak hadir).

Di dalam sambutan itu kelihatan Tengku beramah-tamah dengan wakil-wakil yang selalu menyelarnya dahulu. Kejadian ini sepatutnya diperhati oleh pengikut-pengikut parti politik itu kerana pada banyak tempat kalau seorang berlain-lainan parti – ia tidak mau kenal-mengenal – sebelah rumah kalau kematian pun tidak mau pergi kerana ia lain parti. Hal ini bersambung lagi kalau dalam fahaman beragama, antara muda dan tua. Jadi contohilah apa yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin itu. Fahaman tinggal fahaman tetapi persaudaraan hendaklah diikat terutamanya sesama orang-orang Islam.

* * *

Ribut perkara PAS di Terengganu sampai sekarang tidak habis-habisnya. Bergaduh sama sendiri, bertengkar sama sendiri, berebut kedudukan dan seumpamanya tersiar dengan luasnya. Kejadian-kejadian seperti ini yang disiarkan dengan luas dan tidak berhenti-hentinya di akhbar-akhbar yang tentunya suka kalau PAS gulung tikar, bukannya sahaja akan merosakkan kepada pertubuhan PAS tetapi juga membawa akibat yang tidak baik kepada pemeluk-pemeluk agama yang yakin bahawa kewajipan tiap-tiap seseorang pemeluk agama Islam ialah berjuang kerana menegakkan hukum Tuhan.

Kesalahan-kesalahan PAS itu dengan mudahnya kelak dijadikan cemeti untuk memukul Islam seluruhnya. Kerana ini maka mustahak bagi pemimpin-pemimpin PAS berhati-hati – jangan membiasakan banyak bercakap tetapi berusaha bekerja. Kerja yang lebih utama ialah mengikat persatuan dan yang kedua meyakinkan rakyat kepada perjuangan mereka dengan jalan hikmah dan kebijaksanaan – jangan dengan jalan cemeti menjatuhkan hukum kepada orang yang tidak mau mendengar. Tunjukkan kebaikannya dan keburukan sesuatu dengan cara dan hujah yang baik, halus dan saksama. Kalau PAS tidak beramal dengan ini, ertinya pemimpin-pemimpin PAS dengan sendirinya melanggar ajaran Islam. Persatuan dan persaudaraan kalau ditimbulkan adalah ia menjadi tiang yang utama untuk bergerak. Kalau sama-sama sendiri tidak dapat bersatu maka jauh sekali orang akan mengikut. Tidakkah gerak-geri pemimpin-pemimpin itu menjadi contoh kepada umat?

* * *

Polis Singapura telah berusaha keras menangkap pelacur-pelacur yang berjalan subuh-subuh hari melacurkan dirinya. Usaha ini sangat baiknya. Tetapi ini ditentukan untuk menangkap pelacur-pelacur yang sememangnya telah rosak moralnya dan telah mencari kehidupan dengannya. Undang-undang untuk ini telah pun diadakan, disyukuri! Untuk menghapuskan hal-hal seperti ini, Tuan Fearns patut mengadakan undang-undang baharu sebagai tambahannya. Berkhalwat di hotel sekarang ditegah tetapi bagaimana orang-orang berkhalwat di motokar-motokar yang berada di padang-padang tempat peranginan. Tuan Fearns, Menteri Kehakiman patut malam-malam berjalan di *park*, melihat peristiwa-peristiwa di dalam motokar yang berhenti berderet-deret di tempat sunyi. Setelah melihat itu silakan buat undang-undang kerananya.

Empat pelajar dari Pahang yang sedang menuntut di Sekolah Arab Pasir Mas Kelantan, bergambar kerana mengingati genap tiga tahun mereka belajar di situ. Dari kanan: Salahuddin Lela, Alauddin Muhsin, Hanifah Ahmad, dan Syarif Zainuddin.